

Headline	SEMANGAT WAJA `BUDAK FLAT`		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	03 Sep 2019	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	112,705
Page No	E51	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	833 cm ²
Journalist	Yusliza Yakimir Abd	AdValue	RM 32,815
Frequency	Daily	PR Value	RM 98,445

SEMANGAT WAJA 'BUDAK FLAT'

Dulu dihina kerana miskin, kini pengasas produk penjagaan kecantikan berjaya

Yusliza Yakimir Abd Talib
yusliza@hmetro.com.my

Dia tidak pernah mempersoalkan kenapa dilahirkan dan dibesarkan sebagai 'budak flat', apatah lagi rasa kesal. Meskipun gelaran itu kedengaran kurang manis, tetapi kehidupan yang sukar ketika kanak-kanak dan remaja rupanya menjadi batu loncatan untuk wanita ini menggapai impian.

Baginya, persepsi anak orang susah yang tinggal di flat serba kekurangan pasti tidak 'menjadi' perlu diperbetulkan dan dia membuktikannya dengan usaha yang berlipat ganda.

Sepanjang perjalanannya, wanita ini sudah lali dihina dan dipandang serong apatah lagi sebagai anak sulung daripada lima beradik, di bahunya tergalas beban besar untuk membantu meringankan beban ibu bapa.

Kehidupan di tengah kota raya dengan keluarga besar pastinya beban kewangan menjadi isu utama. Jadi, seawal usia 12 tahun lagi, Aisyah Kamsani, 34, dibawa ibu bapanya berniaga sambil dengan membuka gerai di tepi jalan menjual barang mainan dan produk kesihatan untuk menampung mereka sekeluarga.

"Sejak kecil lagi saya dan adik biasa berdikari malah kerana ibu bapa bekerja syif sebagai pengawal keselamatan dan kerani selain berniaga, kami perlu uruskan segalanya sendiri.

"Kesusahan hidup ketika itu tidak pula menjadi alasan untuk saya mengambil mudah pelajaran. Alhamdulillah saya dapat melanjutkan pengajian di Kolej PTPM Ampang dalam Diploma Pengurusan Perniagaan dan mendapat keputusan cemerlang hingga pinjaman pelajaran Mara ditukar menjadi biasiswa," katanya.

Kerana kesempatan hidup dan enggan menyusahkan ibu bapa, Aisyah sanggup bekerja sambil ketika menyambung pengajian Ijazah Sarjana Muda Perniagaan Antarabangsa.

Meskipun memiliki duit poket sendiri, Aisyah tidak pernah alpa bahkan dalam



SEBELUM berjaya, Aisyah pernah berniaga kerongsang di pasar malam.

kepadatan jadualnya yang sarat dengan kelas dan kerja sambilan, dia memperoleh keputusan cemerlang dengan Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) 3.7, sekali gus melayakkannya ditawarkan biasiswa. Tekadnya agar suatu hari nanti dapat membalas jasa kedua-dua ibu bapanya dan mengubah nasib keluarga.

Selepas tamat belajar pada 2009, berbekalkan minat mendalam dan niat untuk membantu menambah pendapatan keluarga, Aisyah memulakan perniagaan dengan menjadi stokis pelbagai jenis produk kosmetik.

Pada masa sama dia juga bekerja sebagai eksekutif kewangan peribadi di institusi perbankan, namun hanya bertahan selama tiga bulan sebelum meletak jawatan. Sejak itu dia berniaga membuka gerai jualan di sekitar pasar tani, pasar malam, tepi jalan dan ekspo bersama suami, Halmey Kadir.

Bagaimanapun, wanita ini pernah melalui detik hitam apabila dua kali mengalami keguguran beberapa tahun lalu ketika sibuk menguruskan perniagaannya.

Malah, anak jati Kuala Lumpur dan juga pengasas produk penjagaan kecantikan Qalish Beauty Care, tidak melihat itu sebagai kekangan, tetapi satu cabaran bagi dirinya untuk meneruskan misi mencatat kejayaan sebagai usahawan

wanita berjaya. Segala kekangan itu dihadapinya dengan tabah tanpa mengenal erti jemu dan penat asalkan dapat melihat perniagaannya terus berkembang, menawarkan produk berkualiti kepada pelanggan serta berkongsi rezeki untuk memberi peluang kepada orang lain berniaga.

Menurut Aisyah, pengalaman menjadi stokis selama enam tahun sehingga 2015, banyak membantunya berurusan dengan pelanggan dan pengilang.

"Selain menjadi stokis, saya juga aktif berniaga setiap minggu di pasar tani di Shah Alam, Selangor, pasar malam, membuka gerai di ruang pejabat serta di pejabat agensi kerajaan di Putrajaya.

"Saya terlalu sibuk menguruskan perniagaan tanpa menghiraukan kesihatan diri. Ada kala saya terlupa yang ketika itu sedang hamil anak kedua dan usia kandungan baru memasuki tiga bulan.

"Saya hampir keguguran kerana rahim tidak kuat yang berkait rapat dengan kerja saya. Saya terlalu kuat bekerja, aktif bergerak, tidak menghiraukan keselamatan diri sendiri dan selalu berasa letih, namun Alhamdulillah kandungan dapat diselamatkan," katanya.

Selepas kejadian itu, doktor mengarahkan Aisyah berehat selama tiga minggu tanpa melakukan sebarang kerja bagi memastikan



PENGALAMAN manis menunaikan umrah bersama suami tersayang.



AISYAH mendapat sokongan sepenuhnya daripada suami untuk mengorak langkah.



GIAT melatih bella dan wanita menambah pendapatan.

kandungannya benar-benar pulih.

Katanya, sejak insiden hitam itu dia sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga bagi memastikan kandungan dan keselamatan diri menjadi keutamaan.

"Saya mula memikirkan tanggungjawab yang diamanahkan, masa depan keluarga dan juga anak.

"Sehubungan itu, saya memikirkan secara serius untuk mengeluarkan produk keluaran sendiri kerana melaluinya saya dapat meluahkan lebih banyak masa bersama keluarga serta dalam masa sama mampu menjana pendapatan yang lebih baik untuk syarikat sendiri," katanya.

Menurutnya, nama Qalish diambil bersempena nama anak perempuan keduanya iaitu Nur Izzara Qalisha yang kandungannya sempat diselamatkan pada masa itu.

"Usia anak perempuan saya sama dengan usia produk sulung yang dikeluarkan dan kini produk sudah memasuki tahun keempat. Apa yang berlaku ke atas diri dan keluarga saya selama ini sebenarnya mempunyai banyak hikmah dan saya amat bersyukur kerana saya amat bersyukur kerana melalui anak dan ranjau," katanya.

AISYAH mendapat sokongan sepenuhnya daripada suami untuk mengorak langkah.